

Aktiviti 3

Pilih penggunaan kata yang tepat. Tulis semula ayat dengan jawapan yang betul.

Tapak Warisan Dunia

Imran bin Ismail,
No. 303, Taman Setia,
75450 Ayer Keroh,
Melaka.
26 April 20□□

Menemui sahabatku, Jason, yang berada di Woodlands, Singapura. Semoga saudara dan keluarga sihat dan ceria.

Saya mengucapkan terima kasih kepada **saudari saudara** kerana masih sudi **berteman bersahabat** dengan saya. Dalam e-mel tempoh hari, saudara menyatakan bahawa saudara mahu **belajar mengetahui** perihal Bandar Raya Melaka. Melaka diisytiharkan sebagai "Bandar Raya Bersejarah" pada 15 April 1989. Pada 7 Julai 2008 pula, UNESCO mengiktiraf bandar raya tersebut sebagai Tapak Warisan Dunia.

Sejarah Kesultanan Melayu Melaka bermula dengan kedatangan Parameswara yang **berkuasa memerintah** pada tahun 1400 hingga 1424. **Judul Nama** Melaka diambil sempena nama pohon tempat Parameswara **duduk berteduh**. Pada ketika itu, satu perkara **unik pelik** berlaku, iaitu seekor kancil putih telah menendang anjing raja. Kesultanan ini memerintah Melaka **sebanyak selama** 110 tahun.

Empayar Melaka mencapai kemuncak kuasanya semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah. Dalam tempoh tersebut, **datang muncul** nama-nama hebat seperti Tun Perak dan Hang Tuah yang merupakan **perajurit pahlawan** besar ketika itu.

Sekiranya saudara ingin mengetahui lebih **halus mendalam** tentang Melaka Bandar Raya Bersejarah, saudara bolehlah **menonton melayari** laman sesawang <http://www.mbmb.gov.my/>.

Sekian.

Sahabatmu,
Imran